

## BN Johor sedia terima calon bukan anak tempatan

UM - 2 FEB 2003

JOHOR BAHRU 1 Feb. — Barisan Nasional (BN) Johor bersikap terbuka dan bersedia menerima calon bukan anak tempatan untuk diletakkan di sesebuah kawasan pilihan raya.

Pengerusi BN Johor, Datuk Abdul Ghani Othman berkata, sikap itu telah diamalkan dahulu dan masih diteruskan hingga sekarang.

Menurutnya, ini terbukti apabila beberapa Ahli Parlimen di Johor termasuk daripada UMNO dan MCA sekarang bukan anak tempatan.

“Walaupun calon tempatan kini lebih mudah untuk diterima tetapi mereka dari luar Johor pula tidak terus ditolak,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, semalam yang menghadapi kesukaran untuk meletakkan calon bukan anak tempatan di sesebuah kawasan pilihan raya kerana sikap kenegerian atau kedaerahan yang menebal.

Abdul Ghani yang juga Menteri Besar Johor seterusnya berkata, wakil-wakil rakyat bukan anak Johor diterima oleh rakyat negeri itu jika mereka bersikap mesra rakyat.

Bagaimanapun menurut beliau, bagi kerusi Dewan Undangan Negeri seseorang calon itu dimestikan beralamat di tempat calon berkenaan mengundi.